



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Aras 4, Blok E2, Kompleks E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 03-8884 9000
Faks : 03-8884 9315
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPMSP.100-1/7/2 ()

Tarikh: 26 April 2016

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

***SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 5 TAHUN 2016***

**PERSEDIAAN SEKOLAH BERHUBUNG PENJAGAAN KEBAJIKAN, KESIHATAN
DAN KESELAMATAN MURID SEMASA MENGHADAPI CUACA PANAS DAN
KERING YANG BERPANJANGAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid semasa menghadapi cuaca panas dan kering berpanjangan yang melanda negara akibat fenomena El Nino. Fenomena ini merupakan keragaman iklim (*climate variability*) yang berlaku secara tidak tetap (*irregular*) dalam tempoh 2 hingga 7 tahun. Keadaan cuaca panas yang berlaku boleh mencetuskan gelombang haba (*heat wave*) yang memudaratkan kesihatan seperti hipertermia atau strok haba dan dehidrasi sehingga boleh membawa maut.

2. Surat siaran ini bertujuan untuk mengingatkan semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pengetua dan guru besar agar dapat mengambil langkah-langkah dan tindakan sewajarnya terhadap aspek kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid semasa menghadapi cuaca panas dan kering secara berpanjangan ini, iaitu sama ada ia berpunca daripada fenomena El Nino atau pun keadaan cuaca luar jangkaan.

3. Pihak JPN dan PPD hendaklah memastikan pihak sekolah mematuhi langkah-langkah yang perlu diambil dalam menangani fenomena ini seperti berikut:

Kebajikan dan Kesihatan Murid

- 3.1 Memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas bagi memastikan kesihatan mereka tidak terjejas.
- 3.2 Menangguhkan semua aktiviti luar bilik darjah di kawasan yang terlibat dengan cuaca panas dan kering sehingga dimaklumkan keadaan telah pulih oleh pihak JPN atau PPD masing-masing.
- 3.3 Memastikan bekalan air minuman bersih mencukupi di sekolah masing-masing. Pihak sekolah hendaklah menasihati dan menggalakkan murid membawa air minuman dan lebih banyak meminum air tanpa mengira tahap aktiviti dilakukan.
- 3.4 Membekalkan air minuman kepada murid asrama sekiranya keadaan kritikal dan tiada sumber lain bagi mendapatkan air minuman. Sumbangan daripada pihak komuniti juga adalah digalakkan. Manakala bagi sekolah-sekolah berasrama yang ada peruntukan wang lebih Bantuan Makanan Asrama, pihak sekolah boleh menggunakannya untuk tujuan ini.
- 3.5 Menyediakan tangki dan bekas tadahan yang bersih untuk simpanan air khususnya di asrama. Pihak sekolah boleh memohon bekalan air secara berkala dari pihak berkuasa tempatan atau syarikat bekalan air negeri.
- 3.6 Faktor kebersihan dan keselamatan air hendaklah diberi keutamaan dan pihak sekolah perlu memastikan air yang digunakan untuk minuman dan penyediaan makanan di kantin dan di dapur asrama adalah selamat.

- 3.7 Sekiranya berlaku catuan air oleh pihak berkuasa tempatan di kawasan masing-masing, murid-murid asrama di kawasan berkenaan dibenarkan balik setiap hujung minggu.
- 3.8 Sekiranya pihak berkuasa bekalan air di mana-mana kawasan tidak dapat membekalkan air ke asrama sekolah di kawasan tersebut dan tiada pilihan lain untuk mendapatkan bekalan air, langkah-langkah berikut boleh diambil untuk tempoh tersebut:
- 3.8.1 Pihak sekolah boleh menutup asrama sekolah.
- 3.8.2 Murid-murid asrama yang tinggal berdekatan dengan sekolah boleh berulang-alik dari rumah ke sekolah.
- 3.8.3 Manakala bagi murid-murid asrama yang tinggal berjauhan dengan sekolah, iaitu yang tidak boleh berulang-alik ke sekolah mereka, murid tersebut dibenarkan untuk menumpang belajar di sekolah berdekatan dengan tempat tinggal mereka.

Keselamatan Murid


- 3.9 Bagi mengelakkan ancaman haiwan berbisa, pihak sekolah hendaklah membersihkan kawasan sekolah dan asrama terutamanya kawasan pembuangan sampah, kawasan semak-samun, kawasan tandas dan bilik-bilik mandi, kawasan-kawasan rekreasi termasuk stor yang terdapat di sekolah dan asrama.
- 3.10 Mengingatkan murid-murid berkaitan haiwan berbisa dan mengarahkan mereka supaya melaporkan terus kepada guru sekiranya ternampak haiwan-haiwan tersebut di kawasan sekolah.
- 3.11 Sekiranya ada mana-mana murid yang didapati mengalami simptom atau mengadu sakit, maka pihak sekolah hendaklah segera mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya. Dalam hal ini, pihak

sekolah hendaklah sentiasa menunjukkan sifat kepedulian terhadap apa-apa perkara yang berlaku ke atas muridnya.

- 3.12 Meningkatkan keselamatan sekolah daripada ancaman kebakaran terutama akibat sistem pendawaian elektrik dan bahan mudah terbakar. Sekolah dan asrama hendaklah memastikan keadaan pendawaian elektrik berada dalam keadaan yang baik dan memastikan bahan-bahan yang mudah terbakar (seperti minyak dan gas) disimpan di tempat yang selamat.
 - 3.13 Pihak sekolah perlu mengadakan latihan kesiapsiagaan menghadapi kebakaran secara berkala di sekolah dan di asrama.
4. Semua JPN, PPD, pengetua dan guru besar hendaklah sentiasa berwaspada dan bekerjasama dengan klinik dan hospital berdekatan sekiranya berlaku sebarang kes dan komplikasi kepada murid akibat fenomena ini. Pihak sekolah juga perlu melaporkan kes-kes berkaitan keselamatan dan kesihatan murid kepada ibu bapa/penjaga dengan kadar segera.
5. YBhg. Datuk/Tuan/Puan dimohon untuk memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' HAJI AHMAD TAJUDIN BIN JAB
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,
Sektor Operasi Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
9. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
10. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia